



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
JABATAN PELESENAN

**(BORANG PERMIT SEMENTARA MELETAK KERUSI – MEJA DI LUAR PREMIS)
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Sila Tandakan (✓) Yang Berkenaan

(✓)	NAMA TEMPAT	JUMLAH MEJA YANG DI POHON
	Siar Kaki (Kaki Lima)	
	Kawasan Lapang	

SILA LEKATKAN
GAMBAR
PEMOHON
DI SINI

ARAHAN

Sila isikan borang permohonan dengan lengkap, terang dan jelas.

Tandakan (✓) dalam kotak berkenaan.

- 1) Satu (1) Keping Gambar Berukuran Pasport
- 2) Salinan Kad Pengenalan
- 3) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat
- 4) Salinan Lesen Perniagaan MBSJ
- 5) Salinan Surat Kebenaran Bertulis daripada Pemilik Premis/
Bangunan / Kawasan
- 6) Salinan Surat Kebenaran Bertulis daripada Pemilik Premis
Bersebelahan (kiri dan kanan)
- 7) Syarat-syarat Kesihatan (Lampiran A)
- 8) Salinan Lesen Kategori Premis A @ B @ C
- 9) Pelan lakaran kawasan premis yang dipohon untuk
meletakkan kerusi-meja

DIISI OLEH
PEMOHON
(✓)

(KEGUNAAN PEJABAT)
DIISI OLEH PEGAWAI
KAUNTER

ADA TIADA

**PERMOHONAN TIDAK AKAN DITERIMA SEKIRANYA DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN TIDAK LENGKAP
ATAU TIDAK MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN DI ATAS.**

Borang telah disemak.

Tidak lengkap dan dikembalikan

Lengkap dan diterima

.....
(Nama & Cop Nama Pegawai)

Tarikh :

**PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA
MELETAK KERUSI – MEJA DI LUAR PREMIS**

KADAR BAYARAN SEWA BAGI MELETAKKAN KERUSI MEJA DI LUAR PREMIS

BIL	LOKASI / TEMPAT	KADAR BAYARAN (SEBULAN)	CATATAN
1	Siar Kaki Lima	RM 30.00	Perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada pemilik premis bersebelahan (kiri dan kanan)
2	Kawasan Lapang	RM 30.00	Perlu mendapatkan kebenaran dari tuan punya tempat/ tanah

BAHAGIAN A

1. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon :

No.K/P : (Baru) / (Lama)

Alamat Kediaman :

.....

No.Tel : No. Telefon Bimbit :

2. BUTIR-BUTIR SYARIKAT / KEDAI / RESTORAN / KAFE*

Nama Kedai :

Alamat Premis :

.....

No.Tel : No. Faks :

3. PENGAKUAN PEMOHON

Saya bernama

No. Kad Pengenalan mengaku bahawa segala keterangan dan

maklumat yang diberikan semuanya adalah benar.

Tarikh :

* *potong yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop Pemohon

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

ULASAN :

Permohonan Permit Sementara Meletak Kerusi – Meja Di Luar Premis telah disemak dan mematuhi / tidak mematuhi* syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dan saya dengan ini menyokong / tidak menyokong* permohonan ini untuk tindakan selanjutnya.

Tarikh :
.....
(Tandatangan & Cop)

Permohonan Permit Sementara Meletak Kerusi Meja Di Luar Premis adalah ;

LULUS

TANGGUH

TOLAK

Tarikh :
.....
(Tandatangan & Cop)


** potong yang tidak berkenaan*

**SYARAT-SYARAT KESIHATAN BAGI PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA
MELETAK KERUSI – MEJA DI LUAR PREMIS**

- 1) Wajib Menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan. Tuan punya premis dan semua pekerja-pekerja yang terlibat dengan pengendalian makanan wajib menghadiri kursus/latihan pengendalian makanan dari institusi latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan dan MBSJ.
- 2) Wajib mendapatkan suntikan pelalian terhadap demam kepialu ('***Typhoid Fever***') Tuan punya premis bertanggungjawab memastikan pekerja-pekerja yang terlibat dalam pengendalian makanan menjalani pemeriksaan perubatan dan mengambil vaksinasi terhadap demam kepialu daripada klinik kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf oleh Majlis.
- 3) Semua salinan asal perlu disimpan sendiri samada oleh pemilik premis atau pengendali makanan untuk pemeriksaan dari semasa ke semasa.
- 4) Sesalinan bukti laporan pemeriksaan perubatan dan pemberian suntikan vaksinasi terhadap demam kepialu ('***Typhoid Fever***'), serta bukti menghadiri kursus pengendalian makanan hendaklah dikemukakan kepada Majlis semasa mengemukakan permohonan lesen.

LAMPIRAN B

PELAN LAKAR KAWASAN PREMIS





GARIS PANDUAN MELETAKKAN KERUSI MEJA DI LUAR PREMIS
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

- 1) Waktu yang dibenarkan hanyalah pada waktu berikut ;

BIL	MASA	CATATAN
i.	6.00 petang – 12.00 malam	Termasuk Cuti Umum/Kelepasan Am
ii.	6.00 petang – 6.00 pagi	Termasuk Cuti Umum/Kelepasan Am
iii.	6.00 pagi – 6.00 petang	Termasuk Cuti Umum/Kelepasan Am

- Premis yang beroperasi 24 jam dan ingin memohon bagi ketiga-tiga sesi, premis tersebut perlu mendapat gred A
- 2) Pemilik restoran / kedai makan perlu mendapatkan **kebenaran bertulis** daripada pemilik premis yang bersebelahan, iaitu yang berada di kanan dan kiri premis mereka ;
- 3) Kebersihan tempat / kawasan sekitar dan kawasan yang digunakan untuk meletakkan kerusi meja tersebut perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga. Sebarang kos pembersihan kawasan sekiranya dilaksanakan oleh pihak lain akan ditanggung oleh pemilik restoran / kedai makan berkenaan dan menyediakan tong sampah yang secukupnya yang bersih dari sebarang kekotoran ;
- 4) Sekiranya pemilik menyewa tapak di kawasan lapang, mereka perlulah mengemukakan **Surat Kelulusan daripada pemilik tanah** bagi kawasan berkenaan ;
- 5) Pemilik restoran / kedai makan perlulah sentiasa memastikan semua pelanggan yang menjamu selera di premis mereka berada dalam keadaan selamat dan terjamin, iaitu tidak berada di kawasan yang membahayakan nyawa mereka. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelanggan mereka dengan mengambil **Insuran Tanggungan Awam "Public Liability Insurance"** dan mengemukakan salinan bersama-sama borang permohonan ;
- 6) Meja dan kerusi yang digunakan pada sebelah malam hendaklah dialihkan dan disimpan secara tersusun di dalam premis dan tidak mengganggu laluan tempat awam atau menyebabkan kacauganggu kepada pihak lain. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan (tiada sebarang struktur kekal dibenarkan) di tempat yang digunakan sebagai tempat tambahan untuk perniagaan selepas sahaja waktu yang dibenarkan ;
- 7) Tidak dibenarkan samasekali meninggalkan atau meletakkan gerai sementara atau 'stall' untuk tujuan masakan atau sebarang bentuk dapur untuk tujuan memasak/membakar/mengoreng di kawasan yang di sewa ;
- 8) Cagaran kebersihan adalah $\frac{1}{2}$ dari jumlah kadar sewa dan ianya akan dikembalikan jika tidak terdapat sebarang pelanggaran syarat-syarat yang dikenakan ;

- 9) Tempoh permit yang dibenarkan adalah untuk **satu (1) tahun** setiap permohonan, dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut ;
- 10) Pemilik restoran / kedai makan perlulah mematuhi had masa operasi yang dibenarkan mengikut premis kategori / gred A, B atau C yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kesihatan, MBSJ ;
- 11) Pemilik restoran / kedai makan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis, dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, MBSJ boleh membatalkan permit dengan serta merta ;
- 12) Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan. Pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi ;
- 13) Pengusaha restoran perlu memastikan tempat letak kenderaan adalah dalam keadaan mencukupi bagi memastikan setiap pengunjung yang datang dapat meletakkan kenderaan mereka di tempat yang sepatutnya dan tidak meletak kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas seperti di bahu jalan dan jalan-jalan utama ;
- 14) Pemilik / pengusaha restoran hanya boleh meletakkan kerusi meja di kawasan tempat tambahan yang paling hampir dengan premis sahaja ataupun dengan jarak tidak melebihi 50 meter dari premis beroperasi dan ini **tidak** termasuk restoran / kedai yang beroperasi di rumah flat dan 'apartment' ;
- 15) Bagi pengusaha restoran / kedai yang berada di tingkat bawah flat dan "apartment", kebenaran meletakkan kerusi meja hanyalah di kawasan berhampiran yang terletak di depan premis mereka sahaja.
- 16) Bagi pengusaha restoran / kedai yang ingin menambahbaik premis masing-masing seperti memasang 'awning' atau bumbung tambahan dan sebagainya perlu mendapat kelulusan dari Jabatan Bangunan, MBSJ terlebih dahulu ;
- 17) Dilarang sama sekali mempelawa atau menyewa kepada lain-lain peniaga untuk berniaga di kawasan perniagaan tambahan yang dibenarkan ;
- 18) Mewajibkan menghantar pelan lakar kawasan premis, dan keluasan yang dimohon termasuk ukuran kaki lima yang dilampirkan bersama borang permohonan ;
- 19) **PERINGATAN** : Pihak MBSJ tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan/kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan dan
- 20) Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya.